

## **BIODATA**

### **A. SAMAD SAID**

Sasterawan Negara (SN) Datuk A.Samad Said atau nama sebenarnya Abdul Samad Muhammad Said merupakan seorang sasterawan tanah air yang banyak terlibat dalam bidang penulisan kreatif. Kerajinannya menghasilkan karya dan ketekunannya membaca karya-karya orang lain menjadi titik penentu A.Samad Said ditabalkan sebagai Sasterawan Negara yang versatil. Beliau berpendapat bahawa untuk melahirkan karya, karyawan tidak hanya bergantung pada bahan dan bakat serta kekuatan fikiran sahaja, tetapi yang penting ialah pembacaan dan pengalaman yang luas.

SN Datuk A.Samad Said dilahirkan pada 9 April 1935 di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kota Raja, Singapura dari tahun 1940-1946. Beliau kemudian telah melanjutkan pelajarannya di Victoria Institution sehingga memperolehi sijil Senior Cambridge pada tahun 1956.

Pengalaman kerjaya SN A.Samad Said bermula sebagai kerani. Kemudian beliau menjadi wartawan di akhbar Fikiran Rakyat, Utusan Melayu dan Barita Harian. Jawatan terakhir beliau ialah sebagai ketua pengembangan sastera dalam kumpulan Akhbar The New Strait Times. Kini beliau menjadi penulis sepenuh masa yang aktif berkarya.

Sepanjang karier penulisan, beliau telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia. Antara anugerah yang diterima ialah Anugerah Pejuang Satera (1976), SEA Write Award (1979), Anugerah Sastera Negara (1985) dan Anugerah Sasterawan Nusantara (1999).

Anugerah lain yang diterima ialah Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Kesusasteraan UPSI pada tahun 2003. Selain pengiktirafan dalam bidang sastera,

A.Samad Said juga telah dianugerahkan darjah kebesaran Negeri Melaka yang membawa gelaran Datuk dalam tahun 1997 oleh Yang DiPertua Negeri Melaka.

Dalam usia awal 70an, Datuk A.Samad Said masih cergas memenuhi undangan majlis sastera. Beliau sanggup mengembara sehingga ke kawasan pedalaman di Sarawak dan juga Sabah untuk menunaikan jemputan di samping membantu perkembangan sastera tanah air.

Datuk A.Samad Said memiliki keistimewaan yang jarang dimiliki oleh semua penulis. Beliau menguasai semua genre sastera. Sehingga kini A.Samad Said tidak jemu menghasilkan puluhan karya dalam genre novel, puisi, drama, cerpen, dan esei.

Antara karya besar yang dihasilkan ialah Salina, Sungai Mengalir Lesu, Di Hadapan Pulau, Langit Petang, Hujan Pagi, Lantai T.Pinkie, Benih Semalu, Benih Harapan, Warkah Eropah, Al-Amin, Rindu Ibu dan lain-lain lagi. Karya beliau Salina telah diterjemahkan ke dalam lain-lain bahasa seperti bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Beberapa karya beliau juga telah diadaptasi menjadi teater atau drama pentas seperti Salina, Sungai Mengalir Lesu, Lantai T.Pinkie dan Memori di Hadapan Pulau.

Keunikan, keistimewaan dan keikhlasan SN Datuk A.Samad Said berkarya sewajarnya menjadi model dan sumber inspirasi berkarya bagi generasi penulis muda masa kini.